

21/11/2000

The One Academy terus cemerlang

THE One Academy sekali lagi berjaya membuktikan keunggulan dalam pendidikan bidang seni dan reka bentuk apabila tiga anak didiknya memenangi beberapa kategori pertandingan Formula Malaysia, baru-baru ini.

Bekas pelajar The One Academy, Eric Wong Chen Keong, 23, berjaya muncul sebagai pemenang kategori melukis peringkat umum, manakala Tey Teng Chuan, 20, yang masih mengikuti pengajian di akademi itu pula memenangi kategori laman web peringkat institusi pengajian tinggi (IPT).

Wong yang memenangi tempat ketiga dalam kategori disertai meraih hadiah wang tunai sebanyak RM5,000, sementara Tey menerima wang tunai RM10,000 melalui kemenangannya di tempat kedua.

Mereka menerima hadiah masing-masing daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam majlis yang berlangsung dengan meriah di Petaling Jaya.

Sementara itu, bagi kategori melukis peringkat IPT pula, pelajar The One Academy, Ho Huey Su, 19, memenangi hadiah sagu hati.

Menurut Pengarah Urusan dan Pengetua The One Academy, Tatsun Hoi, pihaknya sentiasa memberi penekanan utama terhadap ketinggian mutu pencapaian pelajar akademi itu.

"Hasil yang dicapai bukan saja perlu cemerlang tetapi juga harus praktikal dan mencapai tahap keperluan industri teknologi komunikasi maklumat selaras dengan matlamat Koridor Raya Multimedia untuk melahirkan tenaga profesional berkemahiran tinggi," katanya.

The One Academy boleh dihubungi menerusi telefon 03-7375510 atau faks: 03-7375508 atau e-mel: enquiry@TheOneAcademy.com, manakala alamat laman webnya ialah [www.TheOneAcademy.edu.my](http://www.TheOneAcademy.edu.my).

(END)